

PERMOHONAN SKIM BIASISWAZAH (SB)/ SKIM BIASISWA UNIVERSITI MALAYA (SBUM) SEMESTER 2, SESI 2014/2015

Universiti Malaya (UM) dengan ini mempelawa permohonan daripada **warganegara Malaysia** yang sedang/akan mengikuti program pengajian ijazah tinggi di Universiti Malaya untuk memohon Skim Biasiswazah (SB)/ Skim Biasiswa Universiti Malaya (SBUM).

Calon berkenaan hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (i) Calon yang sedang mengikuti program pengajian ijazah tinggi, Sarjana (secara penyelidikan) dan PhD di Universiti Malaya (tidak melebihi semester kedua bagi program Sarjana dan semester ketiga bagi calon PhD pada masa menghantar permohonan); atau
- (ii) Calon Sarjana (secara penyelidikan) dan PhD yang telah ditawarkan tempat di Universiti Malaya tetapi yang masih belum mendaftar.
- (iii) Calon yang akan mengikuti program Sarjana dan PhD seperti dalam perenggan (i)(ii) di atas hendaklah memiliki ijazah Sarjana Muda dengan CGPA 3.30 ke atas bagi calon Sarjana & CGPA 3.0 ke atas bagi calon PhD.
- (iv) Berumur tidak lebih daripada **40 tahun** pada **1 Januari 2015**.

Calon yang sedang bekerja (kecuali Pembantu Penyelidik di Universiti Malaya) atau masih dalam tempoh penerimaan bantuan kewangan lain tidak layak memohon.

KADAR ANUGERAH

RM1,700.00 sebulan untuk calon Sarjana
RM2,100.00 sebulan untuk calon Doktor Falsafah

Skim tersebut juga meliputi pembiayaan bagi yuran pendaftaran, yuran pengajaran / penyelidikan, yuran perkhidmatan dan yuran peperiksaan.

Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian di laman web Institut Pengajian Siswazah <http://www.ips.um.edu.my>. Permohonan akan dibuka mulai **22/12/2014** hingga **09/01/2015**. Sila hantar Borang Maklumat Permohonan bersama "Cover Letter", "Student Details", satu (1) Salinan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana dan transkrip yang telah disahkan benar di alamat: **Seksyen Kewangan & Biasiswa, Aras 2, Blok A, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur** sebelum tarikh tutup permohonan.

Permohonan yang tidak lengkap atau diterima lewat daripada tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas dua (2) bulan dari tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya. Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.